

# Pingat gangsa jadi penawar di Napoli



**PASUKAN** taekwondo Malaysia memenangi pingat gangsa dalam acara Kyorugi berpasukan lelaki pada Sukan Universiti Dunia di Napoli, Itali semalam. - GAMBAR MAJLIS SUKAN NEGARA

**KUALA LUMPUR** 14 Julai - Kontinjen Malaysia akhirnya menamatkan penantian pingat dalam Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Napoli, Itali apabila meraih gangsa taekwondo hari ini.

Kuartet negara yang diberisi Ahmad Nor Iman Hakim (Politeknik Nilai), Rozaimi Razali (UPM), Muhammad Syafiq Zuber (Politeknik Nilai) dan Hamdanwahid Rinaldi (UTeM) memenangi gangsa Kyorugi berpasukan lelaki selepas tewas 10-36 kepada Iran pada separuh akhir.

Iran yang merupakan gergasi taekwondo dunia kemudian

membawa pulang pingat emas selepas mengalahkan Mesir 33-6 dalam pertarungan akhir.

Terdahulu, Malaysia menumpaskan Mexico 24-20 pada pusingan pertama, diikuti Poland (34-14) di pusingan kedua dan Amerika Syarikat 35-13 dalam aksi suku akhir.

Kontinjen Malaysia diketuai Prof Madya Dr Mohd. Rushdan Mohd. Jailani membariskan 35 atlet dan 22 pegawai untuk mengambil bahagian dalam tujuh sukan iaitu gimnastik artistik, gimnastik berirama, melempar, menembak, olahraga, renang serta taekwondo pada edisi ke-30 temasya.